

Integriti runtuh punca rasuah berleluasa

KUALA LUMPUR: Kegagalan struktur sistem integriti dan pengawasan dalaman kerajaan menyebabkan rasuah terus berleluasa termasuk dalam kalangan penjawat awam

Ia berlaku kerana budaya melindungi rakan sekerja, konflik kepentingan dalam unit siasatan dalaman serta ketiadaan pengawasan bebas sehingga diabaikan berakar selain institusi keselamatan dan penguatkuasaan berubah menjadi ruang yang mudah dimanipulasi dari dalam.

Usaha yang ada kini juga dilihat tidak mencukup bagi membantas isu rasuah membabitkan penjawat awam sehingga

golongan ini mudah didekati sindiket yang menjadi 'tali barut' negara.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim berkata, pembabitkan 'orang dalam' yang melibatkan penjawat awam berlaku kerana kelemahan sistemik yang telah lama dibiarkan, bukan semata-mata kegagalan individu.

Katanya, sindiket antarabangsa menyasarkan pegawai yang mempunyai akses strategik, memanfaatkan tekanan ekonomi, ugutan berperingkat serta budaya 'tutup sebelah mata' yang dinormalisasikan dalam sesetengah organisasi.

"Masalah sebenar bukan sekadar 'beberapa pegawai tidak berintegriti', tetapi kegagalan struktur sistem integriti dan pengawasan dalaman. Selagi audit, pemantauan dan siasatan masih dikawal oleh hierarki yang sama, rasuah akan terus bersembunyi di sebalik uniform dan jawatan.

"Budaya melindungi rakan sekerja, konflik kepentingan dalam unit siasatan dalaman serta ketiadaan pengawasan bebas telah menjadikan institusi keselamatan mudah dimanipulasi dari dalam.

"Apabila pelanggaran kecil dibiarkan, integriti runtuh dan sindiket hanya menunggu masa

untuk masuk," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Utusan Malaysia semalam melaporkan rasuah dan maklumat bocor didakwa punca penyeludupan serta sindiket dadah antarabangsa menjadikan Malaysia sebagai transit

Mengulas lanjut, Jais berkata, kebocoran maklumat operasi akibat rasuah dalam agensi penguatkuasaan bukan lagi isu terpencil sebaliknya satu realiti yang telah berulang kali berlaku.

Jelas beliau, ia terbukti melalui tangkapan gagal, operasi bocor dan sindiket yang sentiasa 'selangkah di hadapan' daripada pihak berkuasa.